

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @
TAMBAT [LUBOK ANTU]**

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah projek-projek infrastruktur luar bandar yang telah diluluskan untuk Parlimen Lubok Antu pada tahun 2020 dan berapa jumlahnya.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

1. Kementerian telah diluluskan peruntukan berjumlah RM113.9 juta untuk pelaksanaan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) sambungan RMK-11 yang sedang dilaksanakan di Negeri Sarawak bagi tahun 2020. Peruntukan yang diluluskan ini melibatkan pelaksanaan projek BALB di Parlimen Lubok Antu seperti berikut:

Bil	Projek	Kos Projek (RM)	Status Projek	Jangka Siap
1	Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sistem Retikulasi Tahun 2016 Negeri Sarawak Zon 4 – Sri Aman	8 juta	Peringkat Rekabentuk	
2	Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Jalan Bara Sayat ke Kampung Soh Bahagian Sri Aman Sarawak	16 juta	52 % siap	26 September 2020
3	Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Lubok Antu Fasa II, Bahagian Sri Aman, Sarawak	50 juta	Peringkat Penilaian Tender	

2. Bagi Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di Negeri Sarawak pada tahun 2020, Kementerian telah diluluskan peruntukan berjumlah RM285.6 juta. Peruntukan tersebut merangkumi lima belas (15) projek sambungan dan satu (1) projek baru. Walau bagaimanapun, tiada peruntukan yang diluluskan pada tahun 2020 untuk pelaksanaan projek BELB di Parlimen Lubok Antu.

3. Pelaksanaan projek BELB adalah berdasarkan kepada senarai keutamaan negeri yang diterima dari Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Sarawak. Sehubungan itu, dicadangkan agar Yang Berhormat mengemukakan cadangan projek kepada Sarawak Planning Unit (SPU) untuk dimasukkan sebagai senarai keutamaan negeri sebelum dimajukan kepada Kementerian ini.

4. Manakala bagi pelaksanaan Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) di negeri Sarawak untuk tahun 2020, sebanyak 160 unit lampu jenis HPSV dan 40 unit lampu jenis LED, melibatkan peruntukan sebanyak RM232,800.00 telah diperuntukkan untuk pemasangan di setiap Parlimen luar dan pinggir bandar di negeri tersebut.

5. Walau bagaimanapun, bilangan akhir LJK yang dipasang adalah berdasarkan senarai permohonan dan keperluan di kampung-kampung, yang diselaras sepenuhnya oleh Kementerian Utiliti Sarawak (KUS), manakala kerja-kerja pemasangan dijalankan oleh Sarawak Energy Berhad (SEB), serta dioperasi dan disenggara secara berterusan oleh pihak berkuasa elektrik negeri (PBEN) tersebut.

6. Bagi Projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) pula, Parlimen Lubok Antu telah menerima peruntukan sebanyak RM3.23 juta bagi pelaksanaan tujuh (7) projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) untuk tahun 2020 manakala di bawah Program Ameniti Sosial (PAMS) sebanyak RM520ribu telah diperuntukkan bagi pelaksanaan dua (2) projek di kawasan Parlimen Lubok Antu pada tahun 2020.

Manakala bagi projek Jalan Luar Bandar (JALB), sebanyak tiga (3) projek (JALB) telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) di Parlimen Lubok Antu dengan kos keseluruhan berjumlah RM228.4 juta.

7. Projek Jalan Ulu Skrang (Fasa 2) telah diluluskan pelaksanaannya di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, Rolling Plan Pertama, Tahun 2016 dengan kos keseluruhan berjumlah RM28.5 juta. Status semasa projek ini adalah di dalam peringkat rekabentuk dan dijangka tender pada bulan Oktober 2020.

8. Projek Jalan Masuk Ke Pelbagai Kampung Di Sepanjang Ulu Batang Ai, Lubok Antu, Bahagian Sri Aman telah diluluskan pelaksanaannya di bawah Rolling Plan Keempat, Tahun 2020, Rancangan Malaysia Kesebelas dengan kos keseluruhan berjumlah RM187.5 juta. Skop projek ini adalah menaiktaraf jalan sepanjang 25km dengan standard JKR R1. Status semasa projek ini adalah sedang dalam proses perlantikan perunding dan dijangka tender selepas rekabentuk siap pada bulan Mac 2021.

9. Untuk makluman Yang Berhormat jua, Projek Menaiktaraf Bekas Jalan-Jalan Balak di Negeri Sarawak Fasa 4 (Bahagian Sri Aman) telah diluluskan pelaksanaannya di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, Rolling Plan Pertama, Tahun 2016 dengan kos projek berjumlah RM12.4 juta. Skop kerja bagi projek ini adalah menaiktaraf bekas jalan balak sepanjang 27km di jajaran Sebeliau/Uyau. Status semasa bagi projek ini adalah di dalam peringkat rekabentuk dan dijangka tender pada bulan Disember 2020.